

05 MAR 2000

Umno-Perak

DUA BAHAGIAN UMNO PERAK CALON DR M DAN PAK LAH

IPOH, 5 Mac (Bernama) -- Dua bahagian Umno Perak yang memulakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk jawatan timbalan bagi pemilihan parti Mei ini.

Untuk jawatan naib presiden kedua-dua bahagian mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdul Ghani Othman, bagaimanapun Gerik mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah dan Batu Gajah Tan Sri Mohd Isa Samad untuk jawatan itu.

Bagi jawatan pengerusi tetap dan timbalannya, kedua-dua bahagian itu mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Yahaya Shafie untuk jawatan itu.

Bagi jawatan Majlis Tertinggi, Gerik dan Batu Gajah mencalonkan kesemua tujuh calon daripada Perak iaitu Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Manakala yang lain ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Azmi Khalid, Datuk Khalid Yunus, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Shafie Mohamad Salleh, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Mohd Shafie Afdal, Datuk Lajim Ukin, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Adnan Yaakub dan Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Sementara itu bagi Gerik enam calon lain ialah Datuk Annuar Musa, Datuk Idris Jusoh, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Manakala bagi Batu Gajah pula Datuk Shahrir Samad, Datuk Mokhtar Hashim, Datuk Ibrahim Saad, Datuk Adam Kadir, Datuk Dr Yusof Nor dan Datuk Shahrizat Jalil.

-- BERNAMA

HK PR